

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

All information as at 30 September 2024 unless otherwise stated


Semua maklumat adalah seperti pada 30 September 2024 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

The Takafulink Dana Ekuiti Dinasti aims to provide long term capital appreciation by investing in Shariah-compliant investments with exposure to the Greater China region.

Takafulink Dana Ekuiti Dinasti merupakan sebuah dana Ringgit luar pesisir yang bertujuan menawarkan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam pelaburan pematuhan Shariah dengan pendedahan ke rantau China Besar.

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset


	% NAV
1 Eastspring Investments Dinasti Equity Fund	98.20
2 Cash, Deposits & Others	1.80

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring AI-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/04/2010
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM405,345,083.50
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.50% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM1.93960

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Ekuiti Dinasti Vs. Dow Jones Islamic Market Greater China Index



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	10.53%	-5.43%	-1.53%	3.13%	-29.33%	-2.23%	93.96%
Benchmark / Penanda Aras	14.20%	2.55%	5.01%	6.31%	-20.27%	19.49%	136.37%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	-3.67%	-7.98%	-6.54%	-3.18%	-9.06%	-21.72%	-42.41%

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

All information as at 30 September 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 September 2024 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Market Review

Greater China markets rallied strongly in the month of September on the back of announcement of a policy combo in China that exceeded market expectations and signaled that the long-awaited policy shift could have arrived for the Chinese economy and markets. The intensive rollout of China stimulus last week has sent the CSI 300 and HSI to their highest levels in 2024 on the back of Fed's 50bps cut. On 26 September, China's surprise Politburo meeting unequivocally called for stronger stimulus. This Politburo meeting came two days after the PBoC, CSRC, and CBIRC announced an above-expectation stimulus combo on 24 September. It was an extraordinary lineup, jointly announcing multiple stimulus measures marking the most comprehensive easing by the PBoC since 2015, including rate cuts and lending facilities for equity purchases and buybacks. The session called for fiscal/monetary policy adjustments to ensure necessary fiscal expenditures with measures including the ultra-long special CGB, lower RRR, and meaningful rate cuts. Emphasis was given to: 1) stabilizing the real estate market, 2) guiding equity investors to think/ behave long-term. Authorities sent a clearer signal for coordinated and fast action to be taken to stabilise the economy and signaled more to come. The timing of the meeting and policy moves were unusually bold and coordinated compared to recent years. The government also mentioned property market stabilization for the first time. In the meeting memo, Beijing vowed to intensify counter-cyclical fiscal and monetary policies, boost income for low and middle-income groups, and work hard to revitalize the capital markets. For the first time, the Politburo has pledged to arrest the decline in property markets. Economic data towards the end of the quarter continued to stay soft. Official manufacturing PMI improved by 0.7 points to 49.8 but still marked its fifth straight month of contraction. Non-manufacturing PMI also continued to trend lower as it falling 0.3 points to 50.0 in September, the lowest since January 2023. The Dow Jones Greater China Islamic Market Index rose 19.71% in USD terms in September. MSCI China rose 23.50%, Hong Kong's Hang Seng index rose 17.99% whilst The Shanghai Shenzhen 300 surged 22.24% in USD terms whilst Taiwan's stock market was flat at 0.73% in the month. During the month, the Fund returned 10.53%, underperforming the benchmark by 367bps in the month. Key detractors were cash drag from underweight position in China following strong rally on policy announcements which exceeded market expectations.

Fund Review & Strategy

Economic momentum continued to wane in 3Q24 with concerns on missing around 5% GDP target for 2024. The economy saw a slowdown in 2Q24 but further weakened in 3Q24. Weak 2Q24 macro data prompted the government to reduce the seven-day reverse repo rate by 10bps. Banks immediately lowered their respective 1-year and 5-year loan prime rates (LPRs) by 10bps. Local government bond issuance has started to pick up in August with full year quota of RMB 3.9trn. Deflationary pressures continued with CPI/PPI in August surprised to the downside, adding to deflation worries as supply remains strong amidst weak demand. Consumption continued to struggle amidst weak household confidence. Consumer downtrading is evident with consumption likely to remain a major weak link in the recovery before household confidence is restored. Youth unemployment rate jumped to 17.1% in Jul 24 (Jun 24: 13.2%), the highest level since Dec 23 when the National Bureau of Statistics resumed dissemination of the data under a revised methodology by excluding students. With the US Federal Reserve kicking off its rate cut cycle, PBOC's room to lower interest rates is less constrained by currency depreciation pressure. Expect additional monetary easing in the coming months with more policy rate cuts, as well as reserve requirement ratio (RRR) cuts to accommodate the sizable government bond issuance ahead. China's policy turn at the end of September has been swift and more importantly showed a coordinated policy response. Sustained stock market performance will depend on the follow-up measures and policy impact. On the monetary policy side, re-calibration of Fed rate outlook and reversal of CNY dynamics have opened the room for the PBOC's monetary policy operations. While measures announced marked a bigger step in the right direction, it is still too early to reassess if policies announced will have an impact next year as there remains the real challenge continues to lie in structural challenges posed by the downdraft that continues to emanate from the property sector and the debt-deflation loop, which continues to pose a meaningful drag on the economy. Fund responded positively towards China's policy moves in September and tactically reduced underweight position in China funded by cash raised entering September and rotating profits from Taiwan. Fund also trimmed positions in defensive sectors and names and increased exposure in consumer discretionary (Internet) names and cyclical names that would benefit from stimulus measures. Country allocation wise, Fund holds a neutral to underweight position in Taiwan given strong YTD outperformance. More clarity on some of the policies announced, signs of stabilization in property sector and property price as well as follow up impact to consumption will lead to sustained flows and stock market performance. With the policy shift, the rollout of stimulus measures is still the primary market focus at the moment. October remains the critical time window to watch for follow-up fiscal policies, if any. On a broader front, markets will also focus on potential external headwinds from upcoming US presidential election and US growth outlook.

Tinjauan Bulanan

Pasaran Greater China melonjak kukuh pada September susulan pengumuman kombo dasar di China yang melangkaui jangkaan pasaran dan memberi isyarat bahawa peralihan dasar yang sekian lama dinanti-nantikan mungkin telah tiba untuk ekonomi dan pasaran China. Pelancaran intensif rangsangan China pada minggu lalu telah membawa CSI 300 dan HSI ke tahap tertinggi pada 2024 didorong oleh pemotongan 50 mata asas oleh Rizab Persekutuan AS. Pada 26 September, mesyuarat mengejut Politburo China dengan jelas menggesa rangsangan yang lebih mantap. Mesyuarat Politburo ini diadakan dua hari selepas PBoC, CSRC dan CBIRC mengumumkan kombo rangsangan luar jangkaan pada 24 September. Ahlinya terdiri daripada barisan luar biasa, yang sebulat suara mengumumkan pelbagai langkah rangsangan yang menandakan pelonggaran paling menyeluruh oleh PBoC sejak 2015, merangkumi pemotongan kadar dan kemudahan pinjaman ke atas pembelian dan pembelian balik ekuiti. Mesyuarat tersebut menuntut pelarasan dasar fiskal/monetari bagi memastikan keperluan perbelanjaan fiskal dengan langkah-langkah melibatkan CGB khas ultra panjang, RRR yang lebih rendah dan pemotongan kadar yang memberi makna. Penekanan diberikan kepada: 1) menstabilkan pasaran hartanah, 2) membimbing pelabur ekuiti untuk berfikir/ bertindak menurut jangka panjang. Pihak berkuasa memberikan isyarat yang lebih jelas supaya tindakan yang selaras dan pantas diambil bagi menstabilkan ekonomi sambil membayangkan akan ada lebih banyak lagi langkah seumpamanya pada masa depan. Waktu mesyuarat diadakan dan langkah dasar tampak lebih berani dan terselaras berbanding tahun-tahun sebelumnya. Kerajaan juga mengutarakan tentang penstabilan pasaran hartanah buat kali pertama. Dalam memo mesyuarat, Beijing berikrar untuk memperhebat dasar kitaran balas fiskal dan kewangan, meningkatkan pendapatan bagi kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana, serta bekerja keras untuk menggiatkan semula pasaran modal. Buat pertama kalinya, Politburo telah berjanji untuk mengekang kemerosotan pasaran hartanah. Data ekonomi menjelang akhir suku tahun terus kekal lemah. PMI pembuatan rasmi meningkat 0.7 mata kepada 49.8 tetapi masih menandakan penguncupan selama lima bulan berturut-turut. PMI bukan pembuatan juga terus merosot apabila ia jatuh 0.3 mata kepada 50.0 pada September, tahap terendahnya sejak Januari 2023. Indeks Dow Jones Pasaran Islam Greater China meningkat 19.71% dalam terma USD pada September. MSCI China meningkat 23.50%, indeks Hang Seng Hong Kong meningkat 17.99% manakala Shanghai Shenzhen 300 melonjak 22.24% dalam terma USD manakala pasaran saham Taiwan mendarat pada 0.73% di bulan ini. Pada bulan tinjauan, Dana menghasilkan pulangan sebanyak 10.53%, tidak mengatasi penanda aras sebanyak 367 mata asas. Penjejas utama prestasi merupakan seretan tunai daripada kedudukan kekurangan pegangan di China susulan kenaikan kukuh pasaran tersebut berikutan pengumuman dasar yang melangkaui jangkaan pasaran.

Tinjauan & Strategi Dana

Momentum ekonomi terus menyusut pada 3Q24 dengan kebimbangan mengenai kehilangan sekitar 5% sasaran KDNK bagi tahun 2024. Ekonomi melembap pada 2Q24 dan terus lemah pada 3Q24. Data makro 2Q24 yang lemah mendorong kerajaan untuk mengurangkan kadar repo berbalik tujuh-hari sebanyak 10 mata asas. Bank-bank dengan segera menurunkan kadar utama pinjaman (LPR) 1-tahun dan 5-tahun masing-masing sebanyak 10 mata asas. Terbitan bon kerajaan tempatan telah mula meningkat pada Ogos dengan kuota setahun penuh sebanyak RMB 3.9 trilion. Tekanan deflasi berterusan dengan CPI/PPI pada Ogos mengalami penurunan yang mengejutkan, lalu menambah kekusaran tentang deflasi tatkala bekalan kekal kukuh walaupun permintaan lemah. Penggunaan terus bergelut di tengah-tengah keyakinan isi rumah yang lemah. Penyusutan dagangan pengguna terbukti

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

All information as at 30 September 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 September 2024 melainkan jika dinyatakan

dengan penggunaan berkemungkinan kekal sebagai pautan paling lemah dalam proses pemulihan sebelum keyakinan isi rumah dipulihkan. Kadar pengangguran belia melonjak kepada 17.1% pada Julai 2024 (Jun 2024: 13.2%), paras tertinggi sejak Disember 2023 apabila Biro Perangkaan Negara meneruskan penyebaran data selepas menyemak semula metodologi dengan mengecualikan pelajar. Ketika Rizab Persekutuan AS memulakan kitaran pemotongan kadarnya, ruang PBOC untuk menurunkan kadar faedah tidak begitu dikekang oleh tekanan susut nilai mata wang. Dijangkakan ada pelonggaran monetari tambahan dalam beberapa bulan akan datang dengan lebih banyak pemotongan kadar dasar dan pemotongan nisbah keperluan rizab berkanun (RRR) bagi menampung terbitan bon kerajaan yang besar pada masa hadapan. Perubahan dasar China pada penghujung September berlaku dengan pantas dan lebih penting lagi ia menunjukkan tindak balas dasar yang terselaras. Prestasi pasaran saham yang mampan akan bergantung pada langkah susulan dan kesan dasar. Dari segi dasar monetari, penentuan semula prospek kadar Rizab Persekutuan AS dan pembalikan dinamik CNY telah membuka ruang buat operasi dasar monetari PBOC. Meskipun langkah-langkah yang diumumkan menunjukkan usaha yang lebih cekal berlandaskan halatuju yang betul, namun masih terlalu awal untuk menimbang semula sama ada dasar yang diumumkan akan memberi kesan pada tahun hadapan lantaran wujudnya rintangan sebenar yang terletak pada cabaran struktur berikutan sektor hartanah yang terus merosot dan gelombang hutang-deflasi, yang terus mengheret ekonomi dengan ketara. Dana bertindak balas secara positif terhadap langkah dasar China pada September dan secara taktikal mengurangkan kedudukan kekurangan pegangan di China yang dibiayai oleh dana yang terkumpul memasuki September dan putaran keuntungan dari Taiwan. Dana juga mengurangkan kedudukan dalam sektor dan saham pertahanan serta menambah pendedahan dalam saham pengguna bukan keperluan (Internet) dan saham kitaran yang akan mendapat manfaat daripada langkah rangsangan. Dari segi peruntukan negara, Dana memegang kedudukan neutral kepada kekurangan pegangan di Taiwan lantaran prestasi YTD yang kukuh. Lebih penjelasan mengenai beberapa dasar yang diumumkan, tanda-tanda penstabilan dalam sektor dan harga hartanah serta kesan susulan terhadap penggunaan akan membawa kepada aliran dan prestasi pasaran saham yang mampan. Dengan peralihan dasar, pelancaran langkah rangsangan masih menjadi tumpuan utama pasaran pada masa ini. Oktober kekal sebagai gerbang waktu kritikal untuk memantau dasar fiskal susulan, sekiranya ada. Meninjau sudut yang lebih luas, pasaran juga akan memberi tumpuan kepada potensi tantangan luar daripada pilihan raya presiden AS yang bakal menjelang dan prospek pertumbuhan AS.

Source / Sumber: Fund Commentary, September 2024, Eastspring Al-Wara' Investments Berhad

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL